

Bermulanya 4,851 penuntut baharu di UMS

UM 3.9.2014 26

KOTA KINABALU 2 Sept.

- Seramai 4,851 penuntut baharu Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan 'memulakan langkah' bagi pendaftaran sesi akademik 2014/2015 di kampus induk universiti tersebut dekat sini.

Menurut kenyataan Bahagian Media dan Citra, Jabatan Canselori UMS, jumlah tersebut merangkumi 1,992 penuntut dari Sabah, 2,295 (penuntut dari Semenanjung), 399 (Sarawak) dan 165 penuntut antarabangsa.

"Hari ini mereka memulakan pendaftaran di setiap kolej kediaman UMS bermula pukul 8.00 pagi.

"Turut mendaftar ialah 100 penuntut yang ditawarkan melalui tawaran kemasukan prasiswazah mod isi rumah 40 peratus terendah," jelas kenyataan itu di sini hari ini.

Tambah kenyataan itu, kesemua penuntut baharu akan mengikuti minggu suai kenal selama seminggu sebagai persiapan menyesuaikan diri dengan suasana kehidupan kampus.

Sepanjang minggu itu, antara aktiviti yang dijalankan termasuk Majlis Pengenalan Universiti, Majlis Ikrar dan Aku Janji, Taklimat Universiti, Program Riadah dan Persembahan Bakat pada malam kemuncak.